



KENYATAAN MEDIA

YAB PERDANA MENTERI

PERASMIAN MAJLIS PELUNCURAN IPFC (IPCC, *POLICE, FRIENDS AND COLLABORATORS*)

Hari ini saya telah menyempurnakan Majlis Peluncuran IPFC (IPCC, *Police, Friends and Collaborators*) yang turut dihadiri oleh barisan Jemaah Menteri, Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam, Ketua-ketua Setiausaha Kementerian berkaitan, Ketua Polis Negara, Perwakilan-perwakilan Luar Negara, serta wakil-wakil daripada Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Syarikat Swasta dan Institut Pengajian Tinggi (IPT).

Inisiatif Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) untuk mewujudkan IPFC merupakan satu usaha yang perlu disambut baik oleh semua pihak kerana objektifnya untuk membantu memantau tatakelakuan Anggota Pasukan Polis, melindungi hak asasi orang awam dan anggota pasukan polis, memudahkan urusan penyampaian perkhidmatan IPCC serta meningkatkan imej dan nama baik negara. Selain itu, IPFC turut mengangkat nilai integriti sebagai dukungan kepada perubahan yang lebih baik dalam aspek tatakelola melibatkan anggota pasukan polis.

Saya sentiasa menegaskan bahawa elemen tatakelola yang betul dan kebertanggungjawapan terhadap amanah yang diberi adalah amat mustahak dan mesti menjadi keutamaan kepada semua pihak sama ada di sektor awam atau swasta khususnya kepada mana-mana pihak yang terkait dengan aspek penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia.

Sebagai sebuah negara yang menjunjung prinsip integriti, setiap usaha yang diperkenalkan bagi memperkukuh integriti wajar diperjuangkan bersama-sama oleh semua pihak termasuk masyarakat dengan berganding bahu dalam memainkan dan melaksanakan peranan penting masing-masing.

Kerajaan dan Polis Diraja Malaysia sendiri sentiasa komited dalam usaha memperjuangkan nilai integriti dan profesionalisme dalam pasukan PDRM. Perkara ini juga merupakan sebahagian dari usaha berterusan pihak Kerajaan untuk memperkasakan tadbir urus yang telus, menetapkan standard etika yang tinggi, berakuntabiliti, dan saksama.

Saya berharap IPFC akan menjadi wadah baharu kepada semua lapisan masyarakat untuk memberikan sumbangan idea, syor dan pandangan kepada pihak Kerajaan untuk dipertimbangkan dalam menentukan dasar, peraturan, amalan tadbir urus yang baik agar dapat menyumbang kepada pencapaian Standard Kepolisan yang unggul.

Pada masa yang sama, dalam usaha berterusan untuk menggalakkan integriti, Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis akan turut meneliti aspek kebajikan melibatkan pasukan polis supaya dapat membawa impak positif yang lebih bermakna dalam konteks menambak kesejahteraan dalam kalangan anggota pasukan polis agar mereka dapat terus melaksanakan tugas dengan penuh jujur, amanah dan bertanggungjawab.

ANWAR IBRAHIM

3 Desember 2024